

BAB 2

KAJIAN PERPUSTAKAAN

2.0 Pendahuluan

Di bahagian ini pengkaji akan mengupas teori serta kajian-kajian lampau yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu terhadap strategi pembelajaran bahasa dan motivasi yang mendorong seseorang itu belajar bahasa asing. Kupasan tentang kajian terdahulu lebih tertumpu kepada bidang linguistik terapan, pengajaran dan pembelajaran bahasa serta hubungkait antara variabel-variabel. Seterusnya pengkaji akan memilih teori mana yang sesuai dan boleh dijadikan kerangka teoritikal kajian.

2.1 Strategi Pembelajaran

2.1.1 Definisi

Strategi pembelajaran banyak diperkatakan di kalangan pakar-pakar dalam bidang psikologi pendidikan dan juga dalam pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Menurut *Oxford Advanced Learner's Dictionary* (2007), “strategi” ditakrifkan sebagai satu perancangan yang dibuat untuk tujuan tertentu. *Third New International Dictionary*

(1993) oleh The Webster pula menyatakan bahawa “strategi” sebagai satu perancangan yang rapi atau satu cara ke arah mencapai satu-satu tujuan. Manakala menurut kamus Wikipedia pula strategi adalah rencana jangka panjang dengan diikuti tindakan-tindakan yang ditujukan untuk mencapai tujuan tertentu yang umumnya adalah "kemenangan".

Dalam proses pembelajaran, pelajar merancang dan menggunakan strategi tertentu bagi memudahkan, menyelesaikan dan seterusnya menguasai sesuatu yang dipelajari. Strategi yang digunakan dalam proses pembelajaran dinamakan strategi pembelajaran. Strategi ini merangkumi teknik-teknik, pendekatan atau tindakan yang diambil oleh pelajar dalam usaha mengingati semula isi kandungan pelajaran (Chamot 1987). Manakala menurut Weinstein, Husman, and Dierking (2000) pula, strategi pembelajaran termasuklah apa-apa juga pemikiran, tingkahlaku, kepercayaan atau emosi yang membantu dalam penguasaan, pemahaman atau pemindahan pengetahuan baru dan kemahiran. Chamot (2004) mendefinisikan strategi pembelajaran sebagai fikiran dan tindakan sedar yang dilakukan oleh pelajar untuk mencapai tujuan pembelajaran.

Ternyata strategi pembelajaran adalah satu perancangan tindakan atau cara yang teliti yang digunapakai semasa proses pembelajaran demi mencapai satu-satu tujuan yang tertentu iaitu kejayaan. Dalam strategi pembelajaran, strategi ialah cara bagaimana pelajar mendapatkan ilmu, menyimpannya dan seterusnya digunakan semula bagi mengatasi masalah dalam pembelajaran. Strategi dibuat samada secara sedar atau tidak sedar . Oleh itu strategi boleh dipelajari dan dipraktikkan. Apabila sesuatu strategi itu terbukti berkesan kepada seseorang pelajar, maka ianya menjadi satu pelaziman dan keselesaan pada seseorang. Sekiranya sesuatu strategi itu tidak menampakkan hasil,

lazimnya seseorang akan beralih kepada strategi yang lain kerana dalam skop pembelajaran ada seribu satu macam strategi yang boleh digunakan.

2.1.2 Strategi Pembelajaran Bahasa

Pengkaji-pengkaji bahasa asing ramai telah memperkatakan tentang strategi pembelajaran dalam konteks pembelajaran bahasa asing. Oxford (1990) menjelaskan bahawa strategi pembelajaran bahasa sebagai tindakan, tingkah laku, langkah dan teknik yang secara spesifik diambil oleh pelajar secara sedar, untuk meningkatkan pemahaman dalam pembelajaran bahasa sasaran. Beliau juga menyatakan bahawa pelajar boleh mempertingkatkan pembelajaran mereka apabila mereka memahami tentang strategi pembelajaran yang mereka gunakan semasa pemerolehan bahasa asing ini. Menurutny lagi strategi mustahak bagi pelajar-pelajar bahasa kerana ia merupakan satu elemen yang aktif, yang memerlukan penglibatan secara peribadi dalam kompetensi berbahasa khususnya komunikasi.

Kesannya, penggunaan strategi pembelajaran yang betul dan tepat akan menghasilkan kelancaran berbahasa dan menambahkan lagi keyakinan diri. Sehubungan dengan itu dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, Tarone (1983) menjelaskan strategi pembelajaran bahasa merupakan usaha untuk meningkatkan kompetensi linguistik dan sociolinguistik bahasa sasaran. Jelaslah disini bahawa walaupun ianya hanyalah pelajaran bahasa, strategi adalah penting khususnya dalam mempelajari bahasa asing.

Norton & Nunan (2001) menyatakan bahawa strategi pembelajaran bahasa merupakan teknik-teknik yang digunakan oleh pelajar agar pembelajaran mereka lebih efektif dan

anatomi mereka sebagai pelajar dipertingkatkan. Pelajar yang mempunyai strategi dalam pembelajaran akan memudahkannya dalam penyimpanan pengetahuan dan menolong pembinaan struktur ayat dan seterusnya membina sikap yang baik terhadap situasi pembelajaran.

Kepentingan menggunakan strategi pembelajaran bahasa dalam proses penguasaan bahasa asing tidak boleh dipertikaikan. Melalui strategi pembelajaran yang betul pelajar dapat menyelesaikan masalah pembelajaran mereka dan seterusnya mengawal sendiri pembelajaran. Crabbe (1993), memberikan tiga elemen penting bagi meningkatkan lagi otonomi pelajar iaitu: ideologi, psikologi dan ekonomi. Dari sudut ideologinya menjelaskan bagaimana pelajar mempunyai hak untuk menentukan bagaimana pendekatan mereka untuk belajar. Dari sudut psikologinya pula pelajar merasakan bahawa mereka boleh belajar lebih baik apabila bertanggung jawab ke atas pembelajaran mereka. Manakala dari sudut ekonomi pula ialah penjimatan dari segi kewangan dan juga masa. Oleh itu pelajar perlu mengembangkan potensi diri, kebolehan berfikir dan mampu mengawal dan mentadbir pembelajaran, demi pencapaian cemerlang.

Sama ada secara sedar atau tidak pelajar pasti menggunakan strategi dalam pembelajaran bahasa asing. Contohnya pelajar menggunakan strategi menghafal, berkongsi maklumat, berbincang, menjawab soalan-soalan peperiksaan yang lalu, pemetaan minda dan sebagainya. Setiap seorang pelajar mungkin menggunakan strategi yang sama dan mungkin tidak dalam satu-satu topik pembelajaran. Dalam waktu yang sama mungkin satu-satu strategi tertentu berkesan pada seseorang pelajar dan tidak pula pada yang lain. Strategi yang berkesan adalah strategi yang boleh memberi kejayaan

kepada penggunanya. Seperti mana menurut Najjar (1998), strategi pembelajaran yang baik adalah strategi yang berkesan dari segi penggunaannya. Ini disokong oleh Ehrman, Leaver, & Oxford, (2003) yang menyatakan bahawa sesuatu strategi pembelajaran tidak boleh dianggap bagus atau sebaliknya sehingga ianya terbukti dalam pembelajaran.

Bagi Mohammed Amin Embi (2000), pula berpendapat bahawa pelajar bahasa yang berjaya adalah mereka yang menggunakan berbagai strategi dalam pembelajaran mereka. Dalam kata lain mempelbagaikan strategi dan menggunakan strategi yang sesuai dapat membantu kejayaan dalam pembelajaran.

Sementara itu Rebecca L Oxford dalam *'Language Learning Strategies, What every teacher should know'* (1990), memberikan beberapa kepentingan strategi pembelajaran. Antaranya strategi pembelajaran akan dapat mendorong pelajar menjadi lebih terarah (*self directed*) dalam pembelajarannya, kerana pelajar yang '*self-directed*' mampu belajar tanpa arahan dari gurunya. Bagi pelajar, strategi pembelajaran merupakan satu alat atau cara menyelesaikan masalah. Ianya juga adalah sesuatu yang fleksibel, tidak dipergunakan secara kaku dan setiap individu boleh memilih, mengkombinasikan dan menggunakannya mengikut strategi yang sesuai dan digemari.

Menurut Oxford lagi, strategi pembelajaran bahasa bertindak sebagai satu operasi yang digunapakai oleh pelajar bagi membantu mereka memperolehi, menyimpan dan menggunakan semula pengetahuan yang diperolehi. Ianya adalah satu tindakan yang dilakukan oleh pelajar untuk memudahkan dan mempercepatkan pembelajaran, di samping itu ianya dapat memberi keseronokan dan menjadikan pembelajaran lebih

terarah, lebih berkesan dan mudah dipindahkan (*transferable*) kepada satu situasi yang baru.

Ada berbagai kategori strategi pembelajaran yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji strategi pembelajaran terdahulu. Antaranya Brown (2000) telah membahagikan strategi pembelajaran ini kepada tiga kelompok besar. Strategi-strategi itu dikenali sebagai strategi metakognitif, kognitif dan sosioafektif. Metakognitif adalah tentang bagaimana informasi diproses dan bagaimana pembelajaran itu direncana. Ini termasuklah pengawalan kefahaman dan membuat penilaian sendiri. Manakala strategi kognitif lebih terbatas kepada tugas yang sifatnya manipulatif, seperti pengulangan, menterjemah, mengelompokkan, membuat catatan dan memindahkan pengetahuan tersebut. Sosioafektif pula ialah aktiviti sosial dan transaksi yang ada hubungan dengan orang lain. Contohnya ialah seperti bekerja sama untuk mendapat pulangan yang baik atau bertanya kepada guru dan penutur natif untuk mendapat penjelasan dalam menyelesaikan masalah.

Oxford (1990), membahagikan strategi pembelajaran bahasa kepada dua pembahagian besar iaitu strategi secara langsung dan tidak langsung. Strategi secara langsung adalah strategi yang berkaitan dengan bagaimana pelajar mengendalikan pembelajaran bahasa sasaran yang mana ia termasuk penglibatan proses mental mengenai bahasa yang dipelajari. Strategi secara tidak langsung pula melibatkan pentadbiran pembelajaran secara keseluruhan dan lebih umum. Strategi-strategi dikatakan strategi tidak langsung bilamana kaedah-kaedah yang digunakan dapat membantu mengendalikan proses pembelajaran.

Strategi secara langsung termasuklah apa yang diistilahkan oleh Oxford sebagai strategi memori, strategi kognitif dan strategi gantian(*compensation*). Sementara strategi tidak langsung pula termasuklah strategi metakognitif, strategi afektif dan strategi sosial. Menurutnya lagi, ke enam-enam strategi bahasa itu adalah saling pengaruh mempengaruhi. Ramai pengkaji-pengkaji strategi pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing merujuk kepada pembahagian yang telah dibuat oleh beliau. Berikut diterangkan strategi-strategi tersebut:

2.2 Taksonomi Strategi Pembelajaran Bahasa Oxford.

2.2.1 Strategi secara langsung

2.2.1.1 Strategi Pembelajaran Memori

Strategi memori (ingatan) merupakan teknik-teknik yang digunakan untuk mengingat, mendapatkan maklumat kembali dan memindahkan maklumat daripada fakta kepada tahap kemahiran yang sesuai untuk digunakan. Caranya ialah dengan membuat kaitan mental dengan menggunakan imej atau bunyi-bunyi dan menggunakan aksi-aksi atau gerak fizikal bagi memudahkan ingatan. Membuat kaitan mental(*mental linkage*) dapat dilakukan dengan mengelompokkan, menghubungkan, kemudian menempatkan sesuatu perkataan dalam sesuatu konteks ayat. Pelajar juga menggunakan imajinasi, pemetaan semantik dan menggunakan kata kunci untuk mengingati perkataan baru. Pengetahuan yang sedia ada pada seseorang yang digunakan sebagai kaitan kepada ilmu-ilmu baru(*Associating elaborating*) juga adalah salah satu teknik memori.

2.2.1.2 Strategi Pembelajaran Kognitif

Strategi pembelajaran kognitif pula berkaitan dengan bagaimana pelajar memikirkan tentang proses pembelajaran mereka. Ini termasuklah seperti membuat latihan, menerima dan menghantar mesej dan membuat takkulan. Selanjutnya pelajar juga mencipta struktur-struktur untuk input dan output yang membolehkan mereka mempelajari bahasa yang baru dengan berbagai-bagai cara yang lebih praktikal lagi. Pelajar juga melakukan rasionalisasi secara deduktif, menganalisa ungkapan, menganalisa perbezaan, menterjemah dan memindahkan informasi bagi memudahkan pembelajaran. Contoh-contoh strategi ini ialah latih tubi dan penggunaan kamus untuk memahami perkataan sukar.

Strategi kognitif lebih tertumpu kepada teknik manipulasi dan transformasi bahan-bahan yang hendak dipelajari, (Chamot, 1987). Kesannya mungkin berubah berdasarkan sejauh mana interaksi atau transformasi yang dibuat oleh pelajar. Jadi keterlibatan pelajar menentukan kejayaannya. Ernesto Macaro (2001), menyatakan bahawa pengajian mengenai strategi pembelajaran mempunyai kaitan dengan teori kognitif.

2.2.1.3 Strategi Pembelajaran Gantian (*Compensation*)

Strategi pembelajaran gantian merujuk kepada tingkah laku yang dapat menggunakan bahasa baru untuk menggantikan maklumat atau kata-kata sebagai akibat kurangnya perbendaharaan kata yang sesuai. Melalui strategi pembelajaran gantian, dengan pengetahuan bahasa dan daftarkata yang terhad pelajar cuba belajar dengan meneka secara bijaksana dalam

mengatasi kekangan dalam perbualan dan penulisan. Ini dilakukan samada dengan mengubahsuai bahasa ibunda, meminta bantuan , menggunakan mimik muka, bahasa tubuh, menggunakan sinonimi perkataan, meneka kata atau ungkapan baru (*coinage words*) dan menggunakan bahasa yang berbelit-belit (*circumlocution*) bagi menghindari komunikasi yang tidak lancar.

2.2.2 Strategi Secara Tidak Langsung

2.2.2 .1 Strategi Pembelajaran Metakognitif

Strategi ini berkaitan dengan bagaimana pelajar mentabir dan mengawal pembelajaran mereka. Pembelajaran bahasa asing sememangnya tidak boleh tidak akan mempelajari elemen-elemen baru seperti mempelajari daftar kata, struktur ayat, tatabahasa dan budaya penutur bahasa sasaran. Oleh itu Oxford (1990) memberikan tiga ciri penting dalam strategi ini iaitu memberi fokus, menyusun dan merancang pembelajaran dan seterusnya menilai sendiri pembelajaran.

Pelajar memberi fokus apabila mereka membuat tinjauan dan mengaitkan pembelajaran baru dengan pengetahuan yang sedia ada. Kadang kala pelajar juga memperlambatkan perbualan demi untuk memberi fokus kepada pendengaran. Semasa menyusun dan merancang pembelajaran pelajar mencari pengetahuan mengenai pembelajaran bahasa, menyusun pembelajaran, menentukan tujuan dan objektif pembelajaran dan seterusnya mengenalpasti tugas (samada pendengaran, bacaan, perbualan atau penulisan). Dalam strategi ini juga pelajar akan cuba mencari peluang untuk

berlatih dan menggunakan apa yang dipelajarinya. Seterusnya penilaian dibuat melalui pemerhatian dan penilaian sendiri.

O' Malley & Chamot, (1990) memberi definisi strategi metakognitif sebagai:

'thinking about learning process, planning for learning, monitoring the learning task, and evaluating how well one has learned'.

O'Malley (1985), mendapati bahawa kebanyakan pelajar yang boleh menguasai bahasa asing adalah terdiri daripada pelajar yang menggunakan strategi metakognitif dalam pembelajaran mereka.

2.2.2.2 Strategi Pembelajaran Afektif

Strategi afektif merujuk kepada perasaan dan emosi pelajar berkaitan dengan pembelajaran. Strategi ini berkaitan dengan merendahkan tahap kegelisahan dan kebimbangan (*anxiety*) dengan cara merangsang diri sendiri, mengambil tahu tentang tahap emosi, motivasi dan sikap terhadap pembelajaran bahasa sasaran.

Aktiviti seperti menghela nafas, meditasi, relaks, mendengar musik dan pembelajaran yang santai adalah strategi afektif. Bagi merangsang diri pelajar sentiasa membuat kenyataan yang positif, mengambil risiko dengan baik dan memberi ganjaran kepada diri. Bagi mententeramkan emosi, pelajar menulis mengenai pembelajaran bahasa ke dalam buku harian atau catatan dan berbincang serta berkongsi perasaan dengan orang lain.

2.2.2 .3 Strategi Pembelajaran Sosial

Manakala strategi sosial pula meliputi aktiviti-aktiviti yang melibatkan orang lain seperti bertanya soalan, bekerjasama dengan orang lain, empati terhadap orang lain seperti mewujudkan pemahaman budaya, dan memahami fikiran dan perasaan orang lain. Strategi ini sentiasa menggalakkan interaksi dengan orang lain bagi membantu dalam pemerolehan bahasa.

Menurut O'Malley dan Chamot (1985) lagi, strategi sosial dan afektif mempunyai skop yang lebih luas. Ia melibatkan samada interaksi dengan orang lain atau gaya kita mengawal perasaan semasa belajar bahasa. Oleh itu bersabar dengan tugas-tugas bahasa, meminta pertolongan dari guru, berkongsi perasaan dengan orang lain merupakan contoh-contoh strategi pembelajaran seseorang yang jatuh dalam kategori ini.

Dalam kajian ini penulis akan menggunakan pembahagian strategi pembelajaran yang dibuat oleh Oxford ini sebagai kerangka kajian kerana klasifikasi yang dibuat oleh Oxford dilihat lebih konsisten secara teorinya (Hsiao & Oxford , 2002). Ellis (1999) menganggap klasifikasi yang telah dibuat oleh Oxford adalah yang paling komprehensif dan sesuai dalam konteks strategi pembelajaran bahasa asing.

2.3 Motivasi

2.3.1 Definisi

Motivasi ialah satu keadaan yang mana individu atau kumpulan berusaha menggerakkan tingkah laku atau satu dorongan yang bertujuan untuk mencapai matlamat dan insentif tertentu (Mohd Azhar, 2004). Oleh itu manusia akan terdorong menjadi lebih kreatif apabila ada motivasi dalam diri yang terhasil dari minat, kepuasan dan cabaran kepada situasi tertentu. Motivasi menggerak dan mengarahkan seseorang dalam tindakan-tindakannya sama ada secara negatif atau positif.

Motivasi lebih dikenali di kalangan pakar psikologi dan pendidik sebagai satu elemen penting dalam kejayaan pemerolehan bahasa asing atau bahasa kedua. Dalam apa situasi sekalipun sekiranya seseorang pelajar itu bermotivasi, biar apa halangan sekalipun, tidak akan mematahkan semangatnya untuk terus belajar. Oleh itu motivasi boleh juga didefinisikan sebagai tingkah laku atau desakan dalaman dalam melakukan sesuatu perbuatan demi mencapai sesuatu tujuan. Brown (2001) menyatakan bahawa motivasi adalah satu kekuatan yang mendahului jangkaan (*anticipation*), di mana kekuatan ini diperlukan bagi pelajar dalam proses pembelajaran dalam mencapai tujuan pembelajaran. Oleh itu dapat dilihat bahawa dalam motivasi yang terhasil dari desakan dalaman sangat berkait rapat dengan tujuan pembelajaran.

Pembelajaran bahasa asing, melibatkan proses yang tidak dapat dipisahkan (*inextricably*) dengan isu-isu budaya dan identiti bahasa sasaran (Adrian Holiday, 2004). Berkaitan dengan itu Brown (1995), telah memberikan dua faktor yang menyumbang kepada keberkesanaan pembelajaran bahasa asing iaitu jarak sosial (*social distance*) dan jarak psikologi (*psychological distance*). Pada Brown seseorang

individu yang mempunyai soladiriti sosial yang kuat akan memberi kesan kurang baik dalam pembelajaran bahasa asing. Begitu juga kesan ‘jarak saikologi’ ke atas pembelajaran di mana pelajar mungkin merasa tercabar, menerima kejutan budaya, takut dan bimbang yang mengancam dirinya yang membuatnya tidak selesa untuk menjalankan aktiviti budaya bahasa sasaran dan akan memberi kesan negatif ke atas pembelajaran, begitu juga sebaliknya.

Halangan-halangan komunikasi seperti ‘lakukan bahasa’ dalam satu-satu komuniti mungkin membawa pengertian dan mesej yang berlainan. Oleh itu bahasa asing harus dipelajari bersama-sama dengan budayanya. Kerelaan individu itu menerima sesuatu budaya itu seadanya mampu membantu kelicinan dan kelancaran penguasaan bahasa asing seseorang.

2.3.2 Perspektif Motivasi

Dalam penguasaan bahasa kedua atau bahasa asing tidak dinafikan bahawa kejayaan dihasilkan dari adanya motivasi yang positif. Banyak penyelidikan menunjukkan bahawa motivasi adalah kunci kejayaan. Krashen (1981) menyatakan bahawa pelajar yang bermotivasi tinggi adalah lebih fokus dan juga lebih banyak mengambil risiko dalam situasi pembelajaran.

Takagi (2003) telah mengkaji kesan pembelajaran awal kanak-kanak di Jepun dalam pembelajaran bahasa asing (bahasa Inggeris). Subjek telah di ajar secara intensif di sekolah secara formal beserta dengan kelas-kelas tambahan dan galakan persekitaran budaya yang memberangsangkan. Kesannya kanak-kanak tersebut mempunyai motivasi yang tinggi untuk meneruskan pembelajaran bahasa Inggeris secara positif di

peringkat yang lebih tinggi. Dengan kata lain motivasi boleh dibentuk dengan dorongan-dorongan yang positif luaran.

Bagi mendalami lagi konsep motivasi, (Brown,2000) melihat pengertian motivasi dari tiga perspektif:

2.3.2.1 Perspektif tingkahlaku (*behavioristic*)

Setiap ransangan menimbulkan tindakbalas dan manusia bertindak akibat kaitan ransangan dan gerakbalas. Manusia dengan fitrah semulajadi mempunyai dorongan yang memerlukan peningkatan dalam pengukuhan ke arah yang positif. Dorongan yang dipengaruhi oleh pengalaman lampau tentang ganjaran atas tindakan tingkah laku yang dibuat menjadi motivasi bagi manusia. Dalam ertikata lain manusia bertindak dengan desakan luaran (ekstrinsik).

2.3.2.2 Perspektif kognitif

Motivasi lebih ditekankan kepada keputusan manusia secara individu. Brown seterusnya bersetuju dengan Keller (1983), yang menterjemahkan motivasi sebagai “*the choices people make as to what experiences or goals they will exert in that respect*” . p: 389

Motivasi didorong oleh sikap semulajadi manusia yang suka meneroka dan memanipulasi. Dalam teori-teori kognitif, motivasi bertindak bagi menghasilkan niat dan pencarian matlamat. Motivasi pencapaian begitu relevan dengan pembelajaran. Dalam ertikata lain semua individu mempunyai

dorongan bagi penyempurnaan sendiri dan inilah yang memotivasi pembelajaran.

2.3.2.3 Perspektif konstruktif

Perspektif motivasi konstruktif menekankan konteks sosial dan pilihan keputusan individu itu sendiri.. Setiap individu mempunyai motivasi yang berlainan dan akan bertindak mengikut kehendak sekitarnya secara unik. Walaubagaimana pun tindakannya itu tidak dapat lari dari pengaruh dan kehendak sekitaran konteks budaya dan sosial. Brown (2000) menempatkan teori Maslow dalam perspektif konstruktif. Menurut Maslow melihat motivasi sebagai satu konstruk di mana manusia sebagai makhluk yang paling tinggi mempunyai keperluan yang kompleks yang perlu dipenuhi. Maslow dalam teori keperluannya membahagikan keperluan manusia kepada dua peringkat iaitu peringkat keperluan kekurangan(*deficiency needs*) dan peringkat keperluan pertumbuhan (*growth needs*).

Manakala Ausubel (1968), telah mengenalpasti konstruk- konstruk motivasi iaitu:


- keperluan untuk meneroka
- keperluan untuk memanipulasi
- keperluan melakukan aktiviti mental dan fizikal
- keperluan untuk mengetahui dan
- keperluan untuk memenuhi 'ego' seseorang.

Konstruk motivasi Ausubel dapat dikaitkan dengan teori motivasi Maslow pada peringkat keperluan 'pertumbuhan'. Ini bermakna motivasi terdorong apabila keperluan asas sudah dicapai. Berkaitan dengan itu, sebagai seorang pelajar,

konstruk motivasi Ausbel memainkan peranan yang penting dalam peningkatan pembelajaran.

2.3.2.1.1 Teori motivasi hiraki Maslow

Abraham Maslow, seorang pakar motivasi terkenal dan pencipta teori keperluan mengemukakan satu hubungan hiraki di antara pelbagai keperluan. Di dalam teorinya, Maslow mengungkapkan ada 5 bidang keperluan manusia yang masing-masing menempatkan kedudukannya dalam piramid kehidupan. Urutan kelima-lima keperluan ini dari yang paling penting ialah: Fisiologi, keselamatan, sosial, penghargaan diri dan aktualisasi diri. Menurutnya jika keperluan pertama dipenuhi, maka keperluan kedua dirasakan amat penting untuk dipenuhi. Demikianlah seterusnya sehingga ke keperluan yang paling tinggi, iaitu keperluan aktualisasi diri.



Rajah 2.1 Teori keperluan hiraki Maslow

Rajah 2.1 adalah rajah keperluan Maslow yang sangat berpengaruh yang dikenali sebagai *Theory of Human Motivation* yang dikembangkan oleh Abraham Maslow pada tahun 1954.

Dalam teori ini Maslow telah menjelaskan bahawa keperluan-keperluan manusia itu berperingkat-peringkat. Sesuatu peringkat keperluan yang lebih tinggi tidak mungkin diperolehi sebelum keperluan yang lebih rendah dipenuhi terlebih dahulu. Pada peringkat yang paling asas terdapat keperluan hayat ataupun keperluan fisiologi di mana manusia perlu mendapatkan makanan, tempat tinggal dan seks. Setelah keperluan ini dipenuhi baharulah keperluan keselamatan yang bukan dari aspek fizikal sahaja malah meliputi keselamatan mental, psikologi dan intelektual. Ini diikuti keperluan kasih sayang, seterusnya peringkat penghargaan sendiri atau penghormatan diri yang pada umumnya terdapat dalam berbagai-bagai simbol status. Akhir sekali penyempurnaan sendiri di mana seseorang itu bersedia untuk mengembangkan potensi diri sehingga berubah menjadi kenyataan.

Kajian mendapati semakin tinggi keperluan individu itu maka semakin kurang pergantungan kepada persekitaran sosial kerana dalam hal ini individu menggunakan pengalaman lampau untuk menentukan tingkah-lakunya. Di peringkat tinggi motivasi bergantung kepada kemahuan dalaman, kemampuan, potensi, bakat, dan kreativiti desakan individu. Sementara itu persekitaran sosial merupakan faktor desakan dalam mencapai kemahuan ini. Dengan itu jugalah Maslow menamakan keperluan peringkat paling bawah sebagai keperluan kekurangan (*deficiency needs*) dan peringkat tinggi sebagai keperluan pertumbuhan (*growth needs*).

Teori ini boleh disimpulkan sebagai:

- Manusia mempunyai kehendak dan keinginan yang mempengaruhi tingkahlaku. Setiap keperluan yang tidak dicapai akan mempengaruhi tingkahlaku, manakala keperluan yang sudah dicapai tidak mempengaruhi tingkah laku.
- Keperluan seseorang mengikut kepentingan dari yang asas kepada yang lebih kompleks.
- Seseorang akan berusaha untuk mendapatkan keperluan seterusnya setelah keperluan yang lebih rendah sekurang-kurangnya dicapai secara minimal.
- Sejauh mana seseorang itu mencapai keperluannya mengikut hirarki, seseorang itu akan menjadi lebih *individuality*, stabil dan sihat secara psikologinya.

2.3.3 Model Motivasi

Antara model motivasi yang berpengaruh ialah motivasi intrinsik(dalaman) dan ekstrinsik(luaran), model motivasi integratif dan instrumental.

2.3.3.1 Motivasi intrinsik dan ekstrinsik

Edward Deci (1976), mendefinisikan motivasi intrinsik sebagai aktiviti dalaman yang tidak mengharapkan sebarang ganjaran atau pengiktirafan. Manusia bertingkah laku demi kepentingan aktiviti dan bukan mempunyai sebarang tujuan demi mendapatkan anugerah atau ganjaran luaran. Motivasi intrinsik lebih kepada memenuhi kompetensi dan keperluan diri. Banyak kajian telah dibuat dan menyatakan bahawa seseorang yang bermotivasi instrinsik lebih kekal dalam jangka waktu yang lama dan lebih berjaya.(Brown, 2000).

Motivasi intrinsik ada pada seseorang pelajar apabila dia belajar semata-mata untuk menguasai ilmu pengetahuan bukan kerana motif lain seperti pujian, nilai yang tinggi, atau hadiah. Motivasi itu ada pada seseorang pelajar apabila ia memerlukan sesuatu dari apa yang ia pelajari. Kesedaran tentang kepentingan terhadap apa yang dipelajari adalah sangat penting bagi motivasi intrinsik.

Motivasi ekstrinsik ialah apabila sesuatu aktiviti itu dijalankan demi ganjaran dari luaran. Contohnya ialah seperti mengharapkan ganjaran kewangan, hadiah, kedudukan dan juga mengharapkan sesuatu tindak balas yang positif. Tingkahlaku mengelakkan diri dari menerima dendaan juga dihasilkan dari motivasi ekstrinsik. Motivasi ekstrinsik adalah dorongan untuk melakukan sesuatu kerana adanya perangsang dari luar diri individu. Contohnya ialah untuk mendapatkan nilai yang tinggi, kelulusan dan kedudukan dalam status sosial. Motivasi ekstrinsik sangat diperlukan dalam pembelajaran .

Bagi Maslow (1970) seperti yang dicatat oleh Brown (2000), menyatakan bahawa motivasi intrinsik mengatasi motivasi ekstrinsik. Berdasarkan hirarki keperluan yang telah dibincangkan sebelum ini, menurutnya manusia didorong untuk mencapai keperluan yang paling tinggi iaitu aktualisasi diri setelah keperluan asas seperti keperluan fisiologi dan komuniti dipenuhi.

Manakala Jerome Bruner, (1966) pula berpendapat bahawa cara yang paling baik untuk menolong kanak-kanak dan orang dewasa untuk berfikir ialah dengan membebaskan mereka dari pengaruh ganjaran dan dendaan. Di mana apabila ada dorongan motivasi luaran yang mengharapkan ganjaran, ianya akan menjadi satu tabiat atau pelaziman. Pendapat ini disokong oleh Ramage (1990), di mana pelajar bahasa asing yang berminat untuk meneruskan pengajian mereka adalah pelajar yang bermotivasi intrinsik

secara positif. Sebaliknya pelajar yang belajar bahasa asing sebagai keperluan kemasukan universiti mempunyai dorongan motivasi yang rendah dan pencapaian yang lemah.

Motivasi yang manakah yang lebih baik antara keduanya tidak menjadi persoalan. Kedua-dua motivasi ini saling kait mengait. Apa yang penting motivasi merangsang pelajar untuk lebih giat belajar dan seterusnya mendatangkan hasil.

2.3.3.2 Motivasi integratif dan Motivasi instrumental

Robert Gardner dan Wallace Lambert (1972) telah memudahkan lagi pengertian motivasi kepada dua iaitu motivasi integratif dan motivasi instrumental. Model motivasi ini sangat berpengaruh di kalangan penyelidik bahasa.

Motivasi integratif ialah apabila seseorang itu berminat dengan bahasa asing yang dipelajari secara tulin. Dengan erti kata lain dia mahu mengetahui bahasa tersebut kerana mahu berkomunikasi sebaik mungkin di samping mahu mengenali penutur dan budaya penutur bahasa tersebut dengan lebih dekat lagi. Semakin seseorang itu memuja budaya dan adat resam, sejarah serta kesusasteraan sesebuah bahasa sasaran yang dipelajari semakin berkeyakinan dan berjajalah seseorang itu dalam penguasaan bahasa asing. Seaward (1988), menambah kepada kenyataan ini bahawa bahasa bukan sahaja sebagai alat komunikasi tetapi juga sebagai pembentukan proses pemikiran dan gaya tingkahlaku dan budaya penuturnya. Ini digambarkan oleh komuniti orang-orang Jepun di mana agak sukar untuk memahami mereka tanpa menguasai bahasanya.

Rasa ingin tahu yang tinggi bagi seseorang yang memiliki motivasi integratif dapat dikaitkan dengan teori Maslow yang menyatakan bahawa manusia memiliki keperluan mengetahui dan memahami.

Manakala motivasi instrumental pula lebih mementingkan tujuan yang praktikal dan hasil yang pantas melalui penguasaan bahasa asing (Hudson 2000). Mereka memikirkan bagaimana bahasa yang dipelajarinya itu boleh memberi faedah dalam memperbaiki status kehidupan mereka baik dari segi sosial mahupun material. Dengan lain perkataan seseorang yang didorong oleh motivasi instrumental, beranggapan bahawa bahasa sasaran yang dipelajari itu sebagai jaminan akan dapat memenuhi cita-cita dalam kehidupannya seperti mahu lulus peperiksaan, mendapat peluang pekerjaan yang baik, untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara, untuk memudahkan kenaikan pangkat dan sebagainya. Motivasi jenis ini hanya memerlukan sedikit rangsangan untuk belajar tanpa berhubungan dengan masyarakat atau komuniti penutur natif bahasa tersebut secara langsung.

Kimura (2001), berpendapat bahawa motivasi sangat penting dalam mempelajari bahasa asing. Di Jepun, matapelajaran Bahasa Inggeris diajar secara *'teachers centered'*, *'activity specific'* dan *'anxiety specific'*. Dalam kajian besarnya yang merangkumi pembelajaran bahasa Inggeris dari sekolah rendah hingga ke peringkat sekolah tinggi, dia mendapati bahawa motivasi instrumental lebih berkaitan dengan peperiksaan dan kerjaya. Dalam kajiannya ke atas pelajar kejuruteraan didapati pelajar-pelajar tersebut tidak terpengaruh dengan faktor 'guru' dalam pembelajaran. Pelajar-pelajar didorong oleh motivasi jenis ekstrinsik-instrumental.

Schmidt (1996) menyatakan bahawa intrinsik dan ekstrinsik ada sedikit persamaan walaupun tidak sepenuhnya dengan integratif dan instrumental yang telah dibuat oleh Gardner (1985). Kedua-dua motivasi ini berkaitan dengan tujuan dan hasil. Noels (2001), juga mendapati bahawa orientasi intergratif ada kaitan dengan intrinsik motivasi manakala orientasi instrumental pula ada kaitan dengan motivasi ekstrinsik.

Namun begitu adalah mustahak untuk membezakan antara model motivasi intrinsik-ekstrinsik dan model intergratif-instrumental. Kemungkinan besar banyak tingkahlaku intrinsik bersamaan dengan integratif, terdapat juga tingkah laku yang tidak menepati. Misalnya seseorang mempunyai tujuan intrinsik yang tinggi untuk belajar bahasa asing demi kepentingan karier dan berjaya dalam program akademik. Dalam keadaan yang lain seseorang boleh membina kesan yang positif terhadap penutur bahasa sasaran demi keperluan ekstrinsik. Walaubagaimanapun bagi memudahkan kajian penulis memilih model motivasi Gardner sebagai kerangka kajian kerana ianya lebih jelas, praktikal dan sesuai dengan pembelajaran bahasa asing.

Jepun adalah satu nama yang besar dimata dunia. Keunikan amalan disiplin kehidupn dilihat memberi keamanan dan peraturan hidup yang bersistematik serta penguasaan ekonomi dimata dunia. Sudah tentu seseorang itu merasa bangga dapat menguasai bahasanya. Bagi pelajar bahasa Jepun di UiTM, motivasi yang manakah yang lebih mendorong pembelajaran seterusnya penguasaan bahasa asing yang menjadi pilihan mereka?

Dengan berlatar belakangkan pembelajaran bahasa asing disini, pengertian integratif perlu di fikirkan semula kerana seperti kata Benson (1991), pendekatan yang lebih tepat dalam konsep motivasi integratif ialah ia menunjukkan keinginan seseorang untuk

menjadi *bilingual*, dan pada waktu yang sama mahu dikenali sebagai *bicultural*. Seperti mana diketahui bahawa Jepun adalah masyarakat yang *monocultural*, maka peluang untuk menggunakan bahasa tersebut adalah terhad. Potensi untuk berintegrasi dengan masyarakat bahasa sasaran pun agak terhad juga. Pengaruh pelajar untuk dilihat sebagai benar-benar mempunyai motivasi integratif adalah sesuatu yang patut dibanggakan dan seharusnya dikaji kerana mereka belajar dipersekitaran bukan penutur natif.

Di Malaysia, individu yang *multilingual* dilihat lebih berpotensi dan lebih berpeluang dalam status sosio-ekonomi. Senario ini menjadi satu gaya hidup yang berprestij. Bagi pelajar-pelajar UiTM yang dihidangkan dengan bahasa asing sebagai salah satu subjek wajib, kemungkinan kejayaan dalam pemerolehan bahasa asing mereka adalah terhasil dari dorongan motivasi instrumental.

2.4 Kajian Strategi Pembelajaran, Motivasi dan Pencapaian.

Kaitan strategi pembelajaran dan motivasi dengan pencapaian dan kaitan strategi pembelajaran dengan motivasi dipercayai memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran. Beberapa kajian lepas telah mendokumentasikan tentang kepentingan konstruk-konstruk ini.

2.4.1 Kajian Strategi Pembelajaran dengan Pencapaian

Terdapat banyak strategi pembelajaran yang digunapakai oleh pelajar-pelajar samada secara sedar atau tidak sedar semasa belajar. Kajian-kajian dalam penyelidikan bahasa Melayu oleh Mohamed Amin, Zamri dan Mohd. Nazali (2001) serta Supian (2003) mendapati bahawa kebanyakan pelajar cemerlang memperoleh pencapaian akademik Bahasa Melayu jauh lebih baik berbanding pelajar lemah. Pelajar cemerlang

menggunakan lebih banyak dan pelbagai strategi pembelajaran bahasa berbanding pelajar lemah.

Tidak semua strategi pembelajaran boleh digunapakai kepada semua pembelajaran bahasa, terutama bahasa asing. Ini dibuktikan oleh Sinclair Bell (1995), bilamana dia sendiri mendapat kesan yang negatif dalam usahanya untuk memindahkan strategi pembelajaran bahasa ibundanya kepada bahasa kedua yang dipelajarinya. Begitu juga sekiranya strategi yang sama digunakan oleh pelajar terhadap satu satu bahasa sasaran, hasilnya mungkin ada pelajar yang berjaya dan ada yang tidak. Kemungkinan pelajar-pelajar yang tidak berjaya adalah kerana tidak bijak memilih strategi yang betul dan bersesuaian dengan satu-satu tugas pembelajaran (Porte, 1988). Oleh itu strategi tidak dianggap strategi sekiranya ia tidak mendatangkan hasil iaitu kejayaan.

Pengkaji-pengkaji pemerolehan bahasa asing juga berbeza-beza pendapat apabila mengaitkan faktor kejayaan dengan strategi pembelajaran. Kebanyakannya berpendapat penggunaan strategi pembelajaran yang terancang dan bersesuaian dengan tugas yang diberi adalah satu proses pembelajaran yang berkesan. O'Malley (1987) menyatakan bahawa kegagalan pelajar-pelajar Asia adalah disebabkan oleh kekurangan penggunaan strategi pembelajaran dan tidak konsisten. Dalam dapatan yang lain pula, (Bruen, 2001; Griffiths, 2003; Wharton, 2000), bersetuju bahawa kekerapan penggunaan strategi bahasa yang berbagai menghasilkan pencapaian yang baik.

Di antara ke enam-enam strategi pembelajaran iaitu memori, kognitif, gantian, metakognitif, afektif dan sosial, strategi manakah yang lebih mengatasi yang lain dari segi keberkesanannya? Peacock & Ho (2003) mengkaji sekumpulan pelajar China yang

belajar bahasa Inggeris di China. Hasilnya didapati pelajar gemar menggunakan strategi kognitif, diikuti oleh metakognitif dan gantian. Manakala sosial, afektif dan memori tidak berapa digunakan. Berlainan dengan kajian yang dibuat oleh Shmais (2003) mendapati hasil yang berlainan ke atas 99 pelajar Arab yang belajar bahasa Inggeris, di mana kecenderungan kekerapan penggunaan strategi pembelajaran di Palestine ialah metakognitif dan afektif. Manakala memori dan gantian kurang digunakan. Didapati bahawa pelajar yang mempunyai latar belakang yang berlainan menggunakan strategi yang berlainan. Amat menarik sekali apabila dua kajian dibuat ke atas pelajar Jepun (Grainger, 1997 & Mori, 2007) yang belajar bahasa Inggeris di negara yang bahasa pertuturannya bahasa inggeris mendapati bahawa strategi yang digemari ialah strategi sosial dan diikuti dengan gantian, metakognitif dan strategi kognitif. Strategi afektif dan memori paling kurang digunakan. Jelas disini persekitaran juga tidak kurang pentingnya. Pelajar dapat berinteraksi secara aktif dengan penduduk setempat yang menjadikan strategi pembelajaran sosial mendapat tempat.

Dalam kajian strategi pembelajaran O'Malley et al. (1985) mendapati bahawa walaupun pelajar dari setiap peringkat pembelajaran menggunakan berbagai-bagai strategi sewenang-wenangnya, didapati pelajar diperingkat yang lebih tinggi (*advance*) banyak menggunakan strategi metakognitif.

Sebaliknya dalam satu kajian yang dibuat oleh Mahadi Kamaludin (2006), di fakulti pendidikan UiTM mengenai strategi pembelajaran dalam matapelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di UiTM, mendapati bahawa pelajar peringkat tertinggi (*advance*), diperingkat pertengahan (*intermediate*) dan juga diperingkat permulaan (*elementary*) menggunakan banyak strategi kognitif.

Walaupun bagaimanapun dalam aspek kekerapan penggunaan strategi didapati pelajar peringkat permulaan kurang menggunakan strategi dibandingkan dengan peringkat tertinggi dan pertengahan. Griffiths (2003), terdahulu dalam kajiannya yang melibatkan 348 pelajar Bahasa Inggeris di sekolah swasta di New Zealand, melaporkan pelajar lanjutan (*advance*) dilaporkan lebih kerap menggunakan strategi pembelajaran jika dibandingkan dengan pelajar peringkat permulaan (*elementary*). Beliau juga mendapati bahawa ada hubungkait yang positif antara berbagai peringkat kecekapan bahasa dengan pencapaian pelajar. Setiap strategi tidaklah menjamin sesuatu kejayaan. Keberkesanan setiap strategi bergantung kepada individu dan juga tugas yang diterima.

Dalam kajian yang lain pula, Ernesto Macaro (2001), mendapati bahawa seorang pelajar bahasa asing yang berjaya, menggunakan strategi tertentu bagi menolongnya menumpukan pembelajaran di dalam bilik darjah walaupun mereka tidak berinteraksi secara terus dengan penutur-penutur natif. Menurutnya lagi metakognitif yang lebih bersifat tidak langsung banyak digunakan oleh pelajar – pelajar yang berjaya.

Metakognitif, satu strategi tidak langsung (*indirect strategy*) yang memerlukan kemahiran merangka, memantau dan membuat penilaian pembelajaran sendiri, merupakan strategi yang berkesan bagi pembelajaran bahasa asing. Namun dapatan oleh Ehrman and Oxford (1995) yang menguji hubungkait antara kelancaran selepas kursus dengan beberapa variabel termasuk strategi pembelajaran, mendapati bahawa strategi kognitif seperti membaca untuk keseronokan dalam bahasa sasaran sahaja mempunyai hubungkait dalam pencapaian pelajar.

Melalui kajian-kajian yang telah dibuat menunjukkan bahawa, pelajar yang berjaya menggunakan strategi dengan kerap dan pandai memilih dan menggunakan strategi yang betul dan bersesuaian dengan tugas (Ellis, 1999). Strategi kognitif dan metakognitif didapati mendapat tempat di kalangan pelajar-pelajar yang berjaya dan kekerapan penggunaan strategi didapati lebih banyak kepada pelajar-pelajar bahasa asing diperingkat tinggi (*advance*).

Kombinasi antara satu strategi secara langsung (kognitif) dan satu strategi tidak langsung (metakognitif) dilihat memberi kesan pembelajaran kepada pelajar-pelajar bahasa. Kekerapan penggunaan strategi di peringkat tinggi mungkin disebabkan pelajar diperingkat tinggi menghadapi lebih kesusahan dalam pembelajaran yang memerlukan mereka menggunakan strategi-strategi pembelajaran secara optimum dan lebih kerap lagi jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar peringkat permulaan (*beginner*).

2.4.2 Kajian Motivasi dengan Pencapaian

Gardner dan Lambert (1972) telah membuat kajian ke atas kaitan antara motivasi intergratif dan instrumental dan pencapaian pelajar bahasa Perancis di Montreal. Satu korelasi positif yang signifikan telah didapati di antara motivasi integratif dengan pencapaian pelajar di dalam bahasa Perancis. Hasilnya telah menunjukkan betapa pentingnya motivasi integratif dengan pencapaian pelajar.

Dalam kajian yang lain pula, Gardner dan Lambert (1972) telah mendapat hasil kajian yang berlainan semasa mereka mengkaji pelajar yang mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di Filipina. Mereka mendapati bahawa pelajar yang mempunyai motivasi instrumental mempunyai korelasi yang baik dengan kejayaan pembelajaran bahasa asing mereka. Mungkin antara faktor yang menyebabkan motivasi instrumental

lebih menonjol dari integratif ialah disebabkan bahasa Inggeris dipandang sebagai bahasa antarabangsa di mana menguasainya adalah sebagai satu aset yang baik dan mengangkat status sesebuah kehidupan. Tambahan pula di Filipina bahasa Inggeris adalah bahasa dalam urusan perniagaan.

Brown (2000), menyimpulkan bahawa kedua-dua motivasi, integratif dan instrumental adalah sama penting. Pelajar jarang mempunyai salah satu dari motivasi tersebut bahkan dilihat sebagai kombinasi antara kedua-duanya demi kejayaan. Dia melihat kepada sekumpulan pelajar antara bangsa yang tinggal di Amerika, yang belajar bahasa Inggeris untuk tujuan akademik dan pada waktu yang sama berhasrat untuk menjadi sebahagian dari penduduk dan mengamalkan budaya setempat. Sekiranya motivasi integratif tinggi, yang terhasil dari sosio-psikologi yang positif, pelajar bukan sahaja mendapat keuntungan dari kelas-kelas yang formal, malah dari situasi yang tidak formal juga.

Satu faktor yang sangat mempengaruhi dalam pembelajaran bahasa asing ialah “dinamik sosial”(social dynamic) ataupun kuasa hubungkait (*power relationship*) antara bahasa ibunda dan bahasa yang ingin dipelajari. Ini bermakna seseorang yang dari kumpulan minoriti yang ingin mempelajari bahasa dari kumpulan majoriti, sudah tentu mempunyai motivasi positif yang tinggi. Begitu juga sebaliknya. Itulah yang terjadi di Filipina yang menganggap bahasa Inggeris sebagai bahasa yang dominan.

Banyak kajian tentang peranan sikap dan motivasi dalam penguasaan bahasa kedua. Rata-rata menyatakan bahawa sikap dan motivasi yang positif akan membuahkan kejayaan dalam penguasaan bahasa asing. Tetapi benarkah motivasi mempengaruhi

pencapaian bahasa sasaran atau pun pencapaian yang mendorong kepada motivasi?

Apakah motivasi juga ada hubungkait dengan strategi pembelajaran bahasa asing?

Berdasarkan teori motivasi yang menggunakan pendekatan teori matlamat, matlamat pencapaian seseorang akan mempengaruhi pencapaian melalui variasi dalam kualiti proses regulasi sendiri (Covington, 2000). Proses regulasi sendiri ini sangat berkaitan dengan motivasi dan kebolehan atau kemahiran metakognisi seseorang. Ini menunjukkan wujudnya hubungan tidak langsung antara motivasi dengan pencapaian melalui metakognisi. Kajian lepas juga menunjukkan wujudnya hubungan secara langsung dan tidak langsung antara motivasi dengan pencapaian (Schraw, Horn, Thorndike-Christ & Bruning, 1995). Dalam pada itu kemungkinan wujudnya hubungan tidak langsung antara motivasi dengan pencapaian melalui pembolehubah metakognisi (Van Zile-Tamsen 1998; Covington 2000), yang mana metakognisi adalah juga salah satu strategi pembelajaran bahasa asing.

Kebanyakan pelajar bahasa asing memperolehi pencapaian yang baik kerana mereka lebih bermotivasi. Menurut Ellis (1999), motivasi melibatkan sikap dan keadaan emosi yang membolehkan pengaruh semangat dan usaha pembelajaran sesuatu bahasa asing. Motivasi yang didorong dari dalam individu itu sendiri sudah sememangnya secara semulajadi akan membuatkan seseorang memilih strategi-strategi tertentu untuk memberi keselesaan kepadanya dan seterusnya menghasilkan kejayaan. Ada pelajar yang mempunyai motivasi instrumental dan tidak kurang juga pelajar yang mempunyai motivasi integratif, dan ada juga yang mempunyai kedua-duanya sekali. Walaubagaimanapun tidak ada satu keputusan yang muktamad yang mengatakan yang satu lebih baik dari yang satu lagi. Apakah motivasi-motivasi ini mempunyai hubungkait dengan strategi pembelajaran yang dipilih?

2.4.3 Kajian Strategi Pembelajaran dengan Motivasi

Ada banyak variabel yang mempengaruhi pemilihan strategi. Salah satu variabelnya ialah motivasi. Motivasi sangat berkait rapat dengan strategi pembelajaran. Pelajar yang bermotivasi menjadikan ia pelajar yang inovatif, kreatif dan selektif. Tanpa mengenal putus asa, mereka seronok mengetahui bahasa asing dan akan mencuba berbagai-bagai strategi demi mencapai matlamat mereka. Motivasi dalam pendidikan akan memberi kesan ke atas gaya dan strategi pembelajaran pelajar dan tingkah laku mereka terhadap pembelajaran (Ormrod, 2003).

Dapatan kajian ada menunjukkan bahawa ramai pelajar yang bermotivasi menggunakan banyak strategi pembelajaran serta menggunakan strategi-strategi itu secara kerap dibandingkan dengan pelajar-pelajar yang tidak bermotivasi (Okada, Oxford, & Abo, 1966, Vandergrift, 2005). Dalam dapatan yang lain pula didapati di antara banyak variabel-variabel, motivasi adalah variabel yang paling berpengaruh dalam strategi pembelajaran (Schmidt & Watanabe, 2001). Dapatan ini di sokong oleh kajian Liao (2000), di mana beliau telah mendapati bahawa pelajar yang kurang bermotivasi mempunyai kaitan yang signifikan dengan kekurangan penggunaan strategi pembelajaran.

Hasil kajian yang dibuat oleh Kamarul Shukri Mat Teh dan Mohamed Amin Embi, (2009) ke atas pelajar bahasa Arab menunjukkan terdapat korelasi positif yang tinggi di antara strategi pembelajaran bahasa secara keseluruhan dengan motivasi pembelajaran bahasa secara keseluruhan. Korelasi bermagnitud positif yang signifikan di antara penggunaan kategori strategi dengan kategori motivasi turut dapat dikesan. Pelajar yang bermotivasi tinggi lebih kerap dan banyak menggunakan strategi berbanding pelajar yang bermotivasi rendah.

Oxford (1990), juga menyatakan salah satu penyumbang dalam pemilihan strategi pembelajaran adalah motivasi. Dalam penguasaan bahasa asing strategi pembelajaran dan motivasi dilihat sebagai mediator penting dalam membantu meningkatkan pencapaian akademik di kalangan pelajar. Saemah dan Jon (2006), mendapati kesedaran metakognisi sebagai salah satu strategi pembelajaran, mempunyai hubungan langsung yang positif dan signifikan ke atas pencapaian akademik, manakala faktor motivasi mempunyai hubungan langsung negatif yang signifikan ke atas pencapaian akademik. Kajian mereka menjelaskan bahawa mempunyai motivasi yang baik belum mencukupi jika pelajar tidak mempunyai kemahiran atau kesedaran metakognisi yang mencukupi. Pada masa yang sama, mempunyai kemahiran metakognisi yang tinggi sahaja juga belum mencukupi jika tidak mempunyai tahap motivasi yang mencukupi.

Oleh itu, tanpa mengambil kira motivasi jenis apa yang ada pada seseorang pelajar, ianya adalah penting dalam penguasaan bahasa asing. Motivasi pada diri seseorang mendorong seseorang pelajar itu menggunakan strategi-strategi tertentu bagi menghasilkan pencapaian yang baik. Pelajar yang bermotivasi akan menentukan kegiatan yang akan diambil. Permasalahan dalam pembelajaran akan dapat diselesaikan dengan strategi-strategi pembelajaran yang relevan. Ini membawa erti bahawa motivasi memberi keutamaan kepada pemecahan masalah melalui berbagai-bagai strategi pembelajaran. Pelajar yang tidak bermotivasi, fikiran dan pemerhatiannya tidak fokus sehingga tidak mampu mencari alternatif kepada penyelesaian masalahnya. Akhirnya kemungkinan prestasinya menurun atau mungkin menemui kegagalan.

Di Taiwan, Peng (2001) telah mengkaji hubungkait motivasi pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing dengan penggunaan strategi ke atas 326 pelajar sekolah tinggi. Terdapat perbezaan yang signifikan di antara strategi yang digunakan dengan

setiap motivasi. Motivasi keperluan (instrumental) didapati mempunyai hubungkait yang signifikan tetapi negatif dengan penggunaan strategi dan pencapaian. Dalam lain perkataan pelajar sekolah tinggi tersebut yang merasakan tekanan belajar bahasa Inggeris tidak kerap menggunakan strategi pembelajaran dan tidak menghasilkan pencapaian yang baik jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar yang bermotivasi.

Chang dan Huang (1999) telah memperolehi dapatan hasil daripada kajian hubungkait antara motivasi (ekstrinsik dan intrinsik) dengan strategi pembelajaran ke atas 46 orang pelajar Taiwan yang belajar bahasa Inggeris sebagai bahasa asing. Mereka mendapati bahawa jumlah strategi pembelajaran ada kaitan dengan kekuatan motivasi ekstrinsik dan intrinsik. Lebih tepat lagi jika dikatakan motivasi intrinsik mempunyai hubungkait yang kuat dengan strategi kognitif dan metakognitif manakala motivasi ekstrinsik mempunyai hubungan yang kuat dengan strategi memori dan strategi afektif.

Sehubungan dengan itu, dalam satu kajian motivasi yang berkaitan dengan kejayaan (instrumental), Ehrman and Oxford (1989) mendapati bahawa pelajar memberi fokus kepada penggunaan kepelbagaian strategi pembelajaran. Jelas disini bahawa strategi pembelajaran adalah sesuatu yang penting dan memberi menafaat kepada pelajar, maka sewajarnya strategi diperkenalkan dan digalakkan penggunaannya di kalangan pelajar-pelajar bahasa asing khasnya. Adalah lebih baik jika strategi-strategi ini diperkenalkan seawal mungkin bagi menempa kejayaan seterusnya menambah motivasi diri (Chamot, 2004).

Dalam satu kajian yang dibuat oleh Wu Man-fat daripada Manfred Institute of Vocational Education, Hong kong (2007), yang mengkaji hubungkait di antara penggunaan strategi metakognitif dan motivasi di kalangan penutur bahasa china di sebuah Institut vokasional Pendidikan di Hongkong, menunjukkan tingkatan motivasi secara amnya adalah sederhana dan didapati responden lebih ke arah motivasi jenis instrumental daripada integratif.

Dalam pada itu dapatan juga menunjukkan motivasi integratif mempunyai hubungkait yang kuat dengan strategi pembelajaran jika dibandingkan dengan motivasi instrumental dan motivasi secara keseluruhannya. Ini menunjukkan motivasi integratif lebih berpengaruh dalam menentukan kekerapan penggunaan strategi pembelajaran.

Dalam kajian yang lain,

Crookes & Schmidt, (1991) dalam kajiannya mendapati bahawa motivasi instrumental ada hubungkait dengan strategi pembelajaran. Dapatan ini bertentangan dengan kajian yang telah dibuat oleh Gardner yang mengatakan bahawa motivasi integratif lebih berpengaruh bagi pelajar-pelajar bahasa kedua atau bahasa asing.

Kedua-dua jenis motivasi iaitu instrumental dan integratif adalah penting dalam menentukan strategi pembelajaran dan seterusnya kejayaan. Pemilihan motivasi mungkin dipengaruhi oleh faktor setempat, latar belakang individu dan tujuan pembelajaran. Di Malaysia bahasa Jepun adalah bahasa ketiga yang mana bahasa Inggeris adalah bahasa kedua. Kepentingan bahasa Inggeris yang dilihat sebagai boleh menjamin status kehidupan, mungkin melahirkan pelajar yang bermotivasi instrumental. Manakala Bahasa Jepun yang hanya sebagai penyumbang kepada status kehidupan mungkin melahirkan pelajar yang bermotivasi integratif.

Signifikan motivasi sebagai faktor penyumbang dalam pembelajaran bahasa asing dan penyampaian secara integratif dalam pengajaran bahasa akan mendorong motivasi dan seterusnya membantu kejayaan tidak dapat dipertikaikan. Sehubungan dengan itu semakin banyak kajian yang menyatakan keperluan kedua-dua jenis motivasi ini dalam penggunaan strategi pembelajaran., (Oxford 2003; Vandergrift, 2005).

Motivasi yang didorong dari dalam inividu itu sendiri sudah sememangnya secara semulajadi akan membuatkan seseorang memilih strategi-strategi tertentu untuk memberi keselesaan kepadanya dan seterusnya menghasilkan kejayaan. Kemungkinan terdapat perbezaan pemilihan kategori strategi di antara kedua-dua motivasi iaitu motivasi intergratif dan motivasi instrumental. Oleh itu tidak dapat dinafikan bahawa motivasi mempunyai kesan yang signifikan ke atas kekerapan dan pemilihan strategi pembelajaran (Wharton, 2000).

Untuk kajian ini penulis menggunakan strategi pembelajaran yang diutarakan oleh Oxford(1989), dan O' Malley dan Chamot (1990), sebagai kerangka kajian. Fokus ditumpukan kepada enam kategori strategi pembelajaran bagi mengenalpasti strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar dan hubungkaitnya dengan pencapaian. Fokus juga ditumpukan kepada motivasi integratif dan instrumental bagi menyelidiki hubungkait motivasi dengan strategi pembelajaran yang digunakan.

2.5 Kajian bahasa Jepun.

Fokus kajian pembelajaran bahasa Jepun sebagai bahasa asing terhadap peranan strategi pembelajaran ke atas pencapaian dan hubungkaitnya dengan variabel yang lain sangat berkurangan jika dilihat dari kajian lampau. Tidak dinafikan bahawa dari segi strukturnya bahasa Jepun dan bahasa Inggeris agak berlainan di mana bahasa Jepun

seperti juga bahasa Arab, China, dan Korea, dikategorikan sebagai bukan bahasa ortografik (*non-orthographic languages*).

Keunikan bahasa Jepun dengan karakternya, susunatur struktur bahasanya, tatabahasanya dan vokabularinya membuatkan bahasa ini lain dari bahasa yang lain. Keunikan dan tahap kepayahannya memungkinkan seseorang pelajar itu mempunyai strategi yang berlainan dari pembelajaran bahasa Inggeris. Kajian ini ingin mencari kemungkinan ini.

Okada (1996) mengkaji 35 pelajar Bahasa Jepun dan 36 pelajar bahasa Sepanyol dengan menggunakan SILL (*Standard Inventory Language Learning*) yang telah diubahsuai. Beliau mendapati bahawa terdapat perbezaan dalam penggunaan strategi mengikut bahasa. Pelajaran bahasa Jepun tidak boleh menggunakan teknik 'rima' bagi menghafal (strategi memori), *code switching* dan membuat perbandingan dengan bahasa ibunda (strategi gantian) kerana terdapat perbezaan budaya yang sangat ketara antara keduanya. Bahasa badan (strategi gantian) juga mungkin tidak begitu efektif oleh kerana perbezaan budaya antara keduanya di mana kemungkinan timbul kesilapfahaman maksud.

Kumpulan ini menggunakan strategi pembelajaran metakognitif yang tinggi. Kumpulan pelajar bahasa Jepun juga kerap menggunakan strategi afektif dan sosial. Ketiga-tiga strategi ini tergolong dalam strategi pembelajaran secara tidak terus (*indirect strategies*). Kemungkinan juga disebabkan oleh bahasa ini asing bagi mereka yang memerlukan pengawalan emosi dan sentiasa bersikap positif. Menurut Okada lagi, ianya juga adalah menyokong pendapat bahawa pelajar bahasa Jepun yang bermotivasi,

berkeyakinan dengan kemampuan mereka, menggunakan strategi pembelajaran yang menolong mereka memelihara harga diri (*self-esteem*) yang tinggi .

Grainger (2005), mengkaji strategi pembelajaran bahasa ke atas 17 sekolah tinggi bahasa Jepun. Dapatan mengatakan bahawa secara amnya pelajar menggunakan strategi pembelajaran bahasa di tahap kadang-kadang (sederhana) sahaja. Sekali lagi jika dibandingkan antara ke enam-enam strategi, didapati strategi metakognitif adalah strategi yang paling kerap digunakan. Manakala strategi memori dan afektif adalah yang paling tidak digunakan.

Kesimpulan dari dapatan-dapatan diatas dapatlah dikatakan bahawa strategi pembelajaran berperanan sebagai alat dalam proses pembelajaran secara aktif sama ada secara sedar atau tidak sedar. Strategi-strategi ini dapat menolong dalam pencapaian yang berkesan, membina autonomi pelajar dan kawalan sendiri (*self regulation*), (Hsiao & Oxford, 2002). Kekerapan penggunaan strategi pembelajaran bahasa juga ada hubungkait dengan pencapaian akademik. Lebih-lebih lagi jika digunakan bersesuaian dengan tugas-tugas tertentu. Metakognitif, kognitif dan sosial adalah strategi yang sangat penting. Tidak ramai yang mengkaji persesuaian strategi-strategi tertentu dengan tugas-tugas bahasa seperti kelancaran bertutur, menulis ataupun membaca. Kebanyakannya hanya mengkaji strategi pembelajaran dalam konteks keberkesanannya dalam pembelajaran bahasa asing secara lebih umum.

Kajian ini menggunakan soal selidik yang merangkumi dua jenis motivasi iaitu integratif dan instrumental. Soal selidik strategi pembelajaran juga merangkumi enam kategori strategi pembelajaran iaitu memori, kognitif, gantian, metakognitif, afektif dan

sosial. Tujuan kajian ini ialah untuk mengenalpasti strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajaran bahasa Jepun dan kekerapannya, juga untuk melihat hubungkait antara strategi pembelajaran dengan pencapaian dan motivasi pelajar. Pada pengetahuan pengkaji kajian seumpama ini terutamanya yang berkaitan dengan bahasa Jepun di Malaysia masih amat kurang dijalankan.

2.6 Kesimpulan

Bab ini menerangkan definisi strategi pembelajaran amnya dan strategi pembelajaran bahasa khususnya. Seterusnya pemilihan taxonomi strategi pembelajaran bahasa yang dibuat oleh Oxford (1990) dan klasifikasi motivasi yang dibuat oleh Gardner dalam teori pendidikan Gardner (1972) dipilih sebagai kerangka kajian. Oxford telah membahagikan strategi pembelajaran kepada enam iaitu strategi memori, kognitif, gantian, metakognitif, afektif dan sosial. Gardner membahagikan motivasi kepada dua jenis iaitu motivasi integratif dan instrumental. Dari kajian lampau dapat disimpulkan bahawa kekerapan penggunaan strategi pembelajaran dan kepelbagaian penggunaannya ada hubungkait dengan pencapaian dan motivasi pelajar.